

Beliau berkata, program dikendalikan sepenuhnya oleh i-COMTOUR Training & Consultancy, Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), UUM yang diketuai oleh Prof. Madya. Dr. Shahrudin Tahir selaku pengurus program dan dibantu oleh Dr. Abdul Halim Mohamad sebagai penyelaras program.

Tambahnya lagi, sebelum ini, i- COMTOUR telah melatih empat kumpulan pegawai yang berbeza dari Bangladesh dan secara tidak langsung mendapat kepercayaan untuk melatih kumpulan kelima pada kali ini.

"Seramai 12 tenaga pelatih dari UUM terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini dan mereka akan didedahkan dengan pelbagai modul bagi membolehkan mereka memahami mengenai konflik dan perundingan," katanya.

Katanya, kursus yang menjurus kepada pengurusan konflik dan keberkesanan perundingan adalah bertujuan memantapkan profesionalisma peserta yang terlibat agar lebih cekap dalam menguruskan konflik di tempat kerja selain membantu ke arah pengantarabangsaan Universiti ini.

Seorang peserta, Ferdous Akhter berkata, mereka gembira kerana dipilih menjadi peserta bagi mempelajari ilmu mengurus organisasi ketika berlakunya konflik dalam kehidupan harian mereka.

"Lebih gembira kerana kami dihantar untuk menjalani kursus selama sebulan di UUM kerana keadaan persekitarannya penuh kehijauan," katanya.

Peserta lain, Dr. Md Mostafizur Rahman menyatakan sangat gembira kerana memperoleh input berguna untuk dipraktikkan dalam menguruskan konflik.

Katanya lagi, program ini lebih kepada pengurusan dan pengisian dalam kuliah amat menarik.

Manakala, rakannya Husne Ara berkata, program ini membuka ruang kepadanya untuk mempelajari tentang selok-belok cara pengurusan dengan lebih menyeluruh walaupun tempoh masa empat minggu baginya masih tidak mencukupi untuk menimba ilmu pengurusan konflik.

Habis.